

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 12 JUN 2014

RUJUKAN : 6986

SOALAN:

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah terdapat segelintir ahli-ahli daripada Pertubuhan-Pertubuhan Islam (PERKASA, ISMA dan lain-lain) di negara ini sering mengeluarkan kenyataan atau komen yang berunsur perkauman. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menangani masalah-masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Undang-undang sedia ada sudah mencukupi dalam menangani apa jua isu yang dibangkitkan yang cuba mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah.

Di dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengamalkan “*double standard*” dengan izin Yang Dipertua, di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan sepetimana yang dibangkitkan melalui pertanyaan-pertanyaan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini. Namun begitu, setiap siasatan oleh pihak Polis adalah berdasarkan kepada laporan polis. Manakala untuk pendakwaan pula akan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut terbukti benar-benar melanggar undang-undang sedia ada.

Bagi meningkatkan perpaduan kaum di negara ini, kempen-kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam telah dan sedang dianjurkan oleh pihak berkuasa terutama PDRM sendiri dengan kerjasama lain-lain agensi. Kempen-kempen dan ceramah-ceramah ini bertujuan menerangkan tentang bahayanya akibat perbalahan antara kaum dan agama.

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dikehendaki selama ini.